

13/12/1999

Exco: Bukti PM tidak abai khidmat wanita

KUANTAN, Ahad - Pelantikan lebih ramai calon wanita untuk menganggotai barisan Exco kerajaan negeri di seluruh negara, membuktikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak pernah mengabaikan penyertaan wanita dalam usaha membantu meningkatkan kemajuan negara.

Penghargaan seumpama itu sekali gus mencerminkan keprihatinan Perdana Menteri untuk memberi peluang wanita menyumbangkan perkhidmatan berkualiti selain membantu menyelesaikan masalah berkaitan wanita dan keluarga, ketika negara menuju ke alaf baru.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata peluang yang diberi kepada wanita menganggotai kerajaan negeri perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka menerusi khidmat bakti kepada masyarakat.

Beliau yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno, berkata walaupun banyak cabaran yang perlu dipikul, tetapi perlu menyahut cabaran itu dan bekerja bersungguh-sungguh, malah langkah itu adalah satu cara untuk membalas penghargaan Perdana Menteri itu.

"Penyertaan lebih ramai calon wanita menganggotai kerajaan negeri adalah perkembangan yang positif dan kita berterima kasih kepada kepimpinan Perdana Menteri yang sentiasa prihatin terhadap keperluan wanita di negara ini.

"Ini bukan sahaja membuktikan Perdana Menteri sentiasa menghargai sumbangan wanita, malah beliau yakin terhadap kemampuan wanita untuk membantu membangunkan negeri masing-masing menerusi tanggungjawab yang diberi.

"Pada peringkat negeri, calon wanita boleh berperanan lebih aktif, contohnya, membantu menyelesaikan masalah berkaitan wanita dan keluarga kerana cabaran yang dilalui kali ini lebih hebat berikutan kita menuju ke alaf baru," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi di Kuala Lumpur, hari ini.

Di Pahang, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Muadzam Shah, Maznah Mazlan, menjadi wanita pertama menganggotai ahli Exco Kerajaan Pahang.

Bagaimanapun, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata pelantikan Maznah berdasarkan prestasi kerjanya sebagai wakil rakyat sepenggal lalu, bukan disebabkan kuota untuk wanita.

Siti Zaharah berkata, fungsi wanita di alaf baru menjadi lebih mencabar dalam usaha mereka menyelesaikan masalah berkaitan untuk membentuk keluarga cemerlang.

Katanya, kegagalan berbuat demikian boleh menggugat pelan pembangunan sosial yang dirancang kerajaan, sekaligus menjejaskan usaha membangunkan masyarakat maju yang harmoni di negara ini.

(END)